

Lebih 6,000 atlet gegar UUM

Oleh **Izzali Ismail** - Julai 17, 2024 @ 4:41pm
bhsukan@bh.com.my



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud bergambar bersama pegawai tertinggi universiti pada majlis pelancaran Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2024 di Universiti Utara Malaysia, Sintok di sini hari ini. - Bernama

SINTOK: Temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) bakal kembali yang menyaksikan Universiti Utara Malaysia (UUM) menjadi tuan rumah buat lebih 6,000 orang atlet bermula dari 6 hingga 14 September depan.

Bercakap ketika majlis pelancaran SUKIPT 2024 di UUM hari ini, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mustapha Sakmud berkata temasya itu akan mempertandingkan 28 acara sukan dengan 233 pingat emas untuk direbut.

"Alhamdulillah, selepas kejayaan penganjuran pada 2022, SUKIPT meneruskan tradisinya di Universiti Utara Malaysia pada edisi ke-6 kali ini, dan menjadi harapan

saya agar kejohanan ini dapat menghadirkan satu persaingan yang kompetitif dan memberikan ruang untuk lebih ramai mahasiswa IPT kita bergiat aktif di arena sukan.

"Sebanyak 74 kontinjen telah mengesahkan penyertaan untuk beradu kekuatan, dengan kehadiran lebih 6,000 orang atlet, 2,500 orang pegawai dan lebih 400 orang sukarelawan di 23 gelanggang pertandingan.

"Kita berharap temasya ini juga menjadi medan untuk atlet IPT mengekalkan prestasi terbaik mereka sebelum bersaing di peringkat antarabangsa seperti Sukan Universiti ASEAN (AUG), Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE), Sukan SEA, Sukan Asia dan Sukan Olimpik," katanya.

Mustapha juga yakin, dengan penyertaan terbuka kepada semua atlet dan keberadaan atlet kebangsaan yang ramai dalam kalangan atlet IPT, mampu meletakkan SUKIPT sebagai temasya sukan terbesar dan bertaraf tinggi, setanding dengan kejohanan lain seperti Sukan Malaysia (SUKMA).

Tambah Mustapha lagi, bagi terus meningkatkan semangat dan motivasi atlet yang bertanding, pihak kementerian juga bersetuju untuk mengekalkan beberapa insentif kecemerlangan dalam temasya SUKIPT seperti yang telah diperkenalkan sebelum ini.

"Pertamanya, Olahragawan dan Olahragawati SUKIPT bakal menerima wang tunai berjumlah RM3,000 setiap seorang, manakala pasukan terbaik lelaki dan wanita pula masing-masing berpeluang menerima wang tunai berjumlah RM7,000 selain pemain yang berjaya melakukan 'Hole In One' bagi sukan Golf juga ditawarkan wang tunai berjumlah RM1,000.

"Wang tunai berjumlah RM20,000 juga akan diberikan secara bersama kepada atlet-atlet yang berjaya memecahkan rekod kebangsaan," katanya.